

**SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda**  
**FREQUENTLY ASKED QUESTION ON BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda**

<b>S1. / Q1.</b>	<b>Apakah BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / What is BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda ?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<b>BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda ialah satu kemudahan pembiayaan / pinjaman mikro bagi membantu penjaja dan peniaga mikro belia untuk mengembangkan dan meningkatkan perniagaan masing-masing. / BSN Micro/i Kasih Penjaja-Muda is a micro financing / loan facility to assist young hawkers and micro traders to expand and improve their businesses.</b>
<b>S2. / Q2.</b>	<b>Siapakah yang layak untuk memohon BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / Who is eligible to apply for BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Perusahaan mikro/kecil/penjaja dimiliki oleh belia berumur 30 tahun dan ke bawah / Micro/small/hawker enterprises owned by youth aged 30 years old and below.</b></li> <li><b>2. Perusahaan mikro dimiliki oleh warganegara Malaysia / Malaysian owned micro business</b></li> <li><b>3. Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Business registered with Companies Commission of Malaysia (CCM) / Local Authority (LA)</b></li> <li><b>4. Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan / Business has been in operation for at least 6 months</b></li> </ol>
<b>S3. / Q3.</b>	<b>Apakah jenis sektor perniagaan yang layak untuk memohon BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / Which business sectors are eligible to apply for BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<b>Semua jenis sektor perniagaan. / All type of business sectors.</b>
<b>S4. / Q4.</b>	<b>Apakah tujuan pembiayaan / pinjaman BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / What is the purpose of financing / loan of BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Modal Kerja / Working Capital</b></li> <li><b>2. Pembelian Aset / Capital Expenditure</b></li> <li><b>3. Pengubahsuaian / Renovation</b></li> </ol>
<b>S5. / Q5.</b>	<b>Berapakah amaun pembiayaan / pinjaman yang ditawarkan di bawah BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / How much is the financing / loan amount offered under BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<b>Amaun pembiayaan / pinjaman seperti berikut: / The financing / loan amount as below:</b> <b>Minimum / Minima: RM 5,000</b> <b>Maksimum / Maximum: RM 50,000</b>
<b>S6. / Q6.</b>	<b>Berapa lama tempoh pembiayaan / pinjaman bagi BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / How long is the financing / loan tenure for BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<b>Tempoh pembiayaan / pinjaman adalah di antara 1 hingga 5.5 tahun termasuk 6 bulan moratorium (rehat bayaran) bagi pembayaran ansuran bulanan. / The financing / loan tenure is between 1 to 5.5 years including 6 months moratorium on the monthly instalment.</b>
<b>S7. / Q7.</b>	<b>Berapakah kadar keuntungan / faedah bagi BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / How much is the profit / interest rate for BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<b>4.00% setahun dan tiada caj keuntungan / faedah dikenakan semasa tempoh 6 bulan moratorium. / 4.00% per annum and no profit / interest charged during the 6 months moratorium period.</b>
<b>S8. / Q8.</b>	<b>Apakah dokumen sokongan yang diperlukan? / What are the supporting documents required?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<b>Dokumen sokongan yang diperlukan adalah: / The supporting documents required are:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Salinan Kad Pengenalan Pemilik Tunggal / Rakan Kongsi (jika berkenaan). / A copy of Identification Card of Proprietor / Partners (if any).</b></li> <li><b>2. Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Lesen Perniagaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / A valid Business Registration certificate with Companies Commission of Malaysia (CCM) / Business License with Local Authority (LA)</b></li> <li><b>3. Penyata Akaun Bank untuk 3 bulan terkini. / Latest 3 months of Bank Account Statement.</b></li> <li><b>4. Salinan bil elektrik dan air premis perniagaan. / A copy of electricity and water bills of the business premises.</b></li> <li><b>5. Sebutharga belian bagi tujuan menaiktaraf perniagaan / Quotation of purchase for the purpose of upgrading business</b></li> <li><b>6. Lain-lain dokumen sokongan tambahan sekiranya diperlukan oleh pihak Bank. / Any supporting documents as required by the Bank.</b></li> </ol>

<b>S9. / Q9.</b>	<b>Bagaimanakah cara untuk memohon BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / How to apply for this BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<p><b>Langkah 1 : Lawati laman web BSN untuk menyemak butiran produk. / Step 1 : Visit BSN website to check on product details.</b></p> <p><b>Langkah 2 : Semak dan sediakan dokumen sokongan yang diperlukan. / Step 2 : Check and prepare the required supporting documents.</b></p> <p><b>Langkah 3 : Kemukakan permohonan ke Pusat Mikro Kewangan BSN / Cawangan Utama Negeri BSN atau lakukan permohonan secara dalam talian. Pihak BSN akan menghubungi pelanggan dalam tempoh 6 hari bekerja selepas menerima dokumen yang lengkap untuk memaklumkan berkenaan status permohonan. / Step 3 : Submit the application to BSN Micro Finance Centre / BSN State Main Branches or perform the application via online. BSN will contact the customer within 6 working days after receiving complete documents to update on the status of the application.</b></p>
<b>S10. / Q10.</b>	<b>Bagaimanakah cara-cara untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda? / How to find out more information about BSN Micro/i Penjaja Kasih-Muda?</b>
<b>Jawapan: / Answer:</b>	<p><b>Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut: / For more information:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Sila hubungi 1300-88-1900 atau email di <a href="mailto:customercare@bsn.com.my">customercare@bsn.com.my</a> / Please contact 1300-88-1900 or email at <a href="mailto:customercare@bsn.com.my">customercare@bsn.com.my</a></b></li> <li><b>2. Layari laman web BSN: / Visit our BSN website:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) BSN Micro Penjaja Kasih-Muda <ul style="list-style-type: none"> <li>• BM: <a href="https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda">https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda</a></li> <li>• Eng: <a href="https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda?lang=ms-MY">https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda?lang=ms-MY</a></li> </ul> </li> <li>b) BSN Micro-i Penjaja Kasih-Muda <ul style="list-style-type: none"> <li>• BM: <a href="https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda-i?lang=ms-MY">https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda-i?lang=ms-MY</a></li> <li>• Eng: <a href="https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda-i">https://www.bsn.com.my/page/penjaja-kasih-muda-i</a></li> </ul> </li> </ol> </li> <li><b>3. Kunjungi Cawangan BSN yang berdekatan / Visit the nearest BSN Branch.</b></li> </ol>